

27/07/1997

Peserta LID 97 mula banjiri Langkawi

Khaidir Majid; Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ahmad Ghazali Musa
LANGKAWI: Bahang Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID 97) mula terasa apabila ketua kerajaan dari negara peserta tiba di sini, semalam.

Antara ketua kerajaan dan sektor korporat yang tiba termasuk delegasi Jordan diketuai Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Dr Abdul Salam Al Majali dan delegasi Mauritius diketuai Perdana Menteri, Dr Navin Rangoolam.

Selain itu, delegasi Uganda diketuai Naib Presidennya, Dr Specieza Wandira Kazibwe dan delegasi Mozambique diketuai Menteri Ekonominya, Eneas da Conceicao Comiche.

Presiden Botswana, Ketumile Masire adalah ketua negara yang tiba lebih awal kelmarin.

Kedatangan mereka disambut Setiausaha Bersama Majlis Penasihat LID 97 yang juga Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat, di sini.

Bertemakan Perkongsian Pintar Dalam Tindakan, LID 97 yang dijangka menemukan 250 peserta di kalangan ketua negara, tokoh korporat dan pegawai kerajaan akan membincangkan pengalaman perkongsian pintar yang dilalui negara peserta sebagai unjuran daripada perkongsian pintar sebelumnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencetuskan idea LID sekali gus menjadi penaung dialog itu dijangka menyampaikan ucapan Isnin ini.

LID kali ini akan membincangkan pengalaman negara peserta merealisasikan perkongsian pintar.

Perkongsian pintar adalah satu konsep mempromosikan rangkaian yang bukan sahaja meliputi sektor perniagaan dalam konteks nasional dan antarabangsa, ia juga menampilkan perkongsian pintar antara kerajaan dan sektor perniagaan.

Apa yang menarik dalam dialog kali ketiga ini ialah peserta banyak menumpukan pengalaman menggunakan teknologi maklumat (IT) sebagai satu alat merealisasikan perkongsian pintar itu.

Sebagai negara yang begitu iltizam ke arah penggunaan IT, Malaysia mengetengahkan pengalaman membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai satu eksperimen perkongsian pintar antarabangsa.

Topik itu diketengahkan oleh Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Othman Yeop Abdullah.

Pihak penganjur juga mengambil inisiatif mengadakan demonstrasi perdagangan elektronik, satu daripada tujuh aplikasi perdana MSC.

Topik lain yang dijangka mendapat perhatian peserta termasuk bentuk perkongsian pintar dalam pembangunan bersama teknologi industri automotif dan telekomunikasi.

Berdasarkan topik berkenaan, dialog enam hari itu dijangka dapat menghasilkan rumusan konkrit bagi menjayakan bentuk perkongsian pintar yang lebih mantap dan berkesan pada masa depan untuk diterima pakai di peringkat antarabangsa.

(END)